



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI  
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT  
MERANGKAP PENERUSI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH YKN**

## **PROGRAM**

**PROGRAM ADVOKASI KASIH WANITA @ KAPIT:  
WANITA DINAMIK & TOLERANSI SIFAR KEGANASAN**

## **LOKASI / TARIKH / MASA**

**DEWAN MASYARAKAT MELAYU, KAMPUNG MUHIBAH, KAPIT  
15 NOVEMBER 2025 (SABTU)  
10.00 PAGI**

*Kemas kini 14 November 2025*

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera, Salam Sarawak Maju Makmur  
dan Salam Malaysia MADANI.

**(SALUTASI)**

**LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN**

*Nama brita? Manah?*

1. **Alhamdulillah**, kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya, kita dapat bersama-sama pada pagi yang penuh semangat ini dalam **Program Advokasi Kasih Wanita @ Kapit: Wanita Dinamik & Toleransi Sifar Keganasan.**

2. Pertama sekali, terima kasih **Yang Berhormat Dato Sri Alexander Nanta Linggi**, Menteri Kerja Raya Malaysia merangkap Ahli Parlimen Kapit serta isteri dan rakan seperjuangan saya, YB Dato Angelina Anak Celestine Ujang atas sokongan padu kepada agenda pembangunan wanita di kawasan ini.

3. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada **Yayasan Kebajikan Negara (YKN)** dan **Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)** atas inisiatif menganjurkan program kita hari ini. Terima kasih juga kepada rakan-rakan strategik kami di peringkat negeri dan daerah yang sentiasa menyokong usaha advokasi dan pemerksaan wanita di Sarawak.

4. Dan kepada semua yang hadir pada hari ini, peserta program, pemimpin masyarakat, wakil-wakil NGO yang sentiasa komited dalam memperjuangkan hak dan keselamatan wanita, terima kasih kerana menunjukkan sokongan anda.

## **PROGRAM WANITA DINAMIK**

Para hadirin yang dihormati sekalian,

5. Program Wanita Dinamik adalah salah satu inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui YKN dan bertujuan untuk memperkasakan wanita melalui latihan kemahiran, bimbingan keusahawanan dan bantuan modal kecil agar mereka dapat berdikari dan menyara keluarga sendiri.

6. Sejak 2021, lebih 20,000 (21,274) wanita di seluruh negara telah dibantu oleh program ini. Di Sarawak, kami telah membantu hampir 8,000 wanita termasuk hampir 300 yang ada di dalam dewan ini dan untuk Sarawak sahaja kami telah memperuntukkan hampir **4 juta ringgit (RM3,904,000)** melalui program Wanita Dinamik ini.

7. Ramai kini berjaya membina kehidupan yang lebih baik – ada yang menjalankan perniagaan online, menjadi usahawan makanan dan ada yang turut membuka peluang pekerjaan kepada orang lain dalam komuniti masing-masing.

## **TOLERANSI SIFAR KEGANASAN**

Puan-puan dan tuan-tuan,

8. Program Toleransi Sifar Keganasan pula adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang gangguan seksual dan keganasan terhadap wanita, sambil memberi sokongan kepada mangsa. Program ini selaras dengan Akta Antigangguan Seksual 2022 (Akta 840) yang berkuatkuasa Mac 2024.

9. Berdasarkan statistic PDRM, kes keganasan rumah tangga meningkat dari 477 kes (2022), kepada 522 kes (2023), dan 788 kes (2024). Sehingga Oktober 2025, 872 kes telah dilaporkan.
  
10. Peningkatan laporan ini menunjukkan lebih ramai mangsa kini berani tampil ke hadapan - hasil positif daripada program kesedaran yang dijalankan oleh KPWKM dan JPW.

## **HARI MENANGANI KEGANASAN TERHADAP WANITA (EVAW)**

Puan-puan dan tuan-tuan yang dikasihi sekalian,

11. Pada 25 November ini, kita menyambut Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita (EVAW). Ini adalah satu suara global yang menentang keganasan terhadap wanita dalam apa jua bentuk.

12. Saya ingin mengajak SEMUA yang hadir hari ini, dan seluruh rakyat Malaysia - pada 25 November nanti, marilah kita pakai WARNA OREN. Warna oren melambangkan masa depan yang lebih cerah dan bebas daripada keganasan.
  
13. Apabila kita semua memakai oren, kita menghantar mesej yang kuat: "Kami bersama mangsa. Kami menentang keganasan. Kami mahu perubahan." Jadi, jangan lupa pada 25 November nanti, kita sama-sama memakai warna oren.

## **WANITA SEBAGAI TUNJANG PEMBANGUNAN**

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

14. Wanita bukan sekadar pelengkap – kita adalah penggerak pembangunan dan ekonomi negara. Apabila wanita selamat dan berdaya, keluarga menjadi stabil, masyarakat menjadi harmoni dan negara turut maju. Ini adalah realiti yang kita lihat setiap hari.

15. Oleh itu, usaha memperkasa wanita adalah pelaburan jangka panjang untuk masa depan negara. YKN melalui pelbagai inisiatif seperti **Program Wanita Dinamik, Kasih Wanita, dan PSSS Mobile** akan terus meluaskan capaian, termasuk ke Kapit, agar tiada wanita tercicir daripada arus pembangunan.

16. Kepada semua wanita yang hadir hari ini - percayalah, anda adalah sumber kekuatan kepada keluarga dan komuniti anda. Tiada siapa berhak memperkecilkan nilai anda. Bangkitlah dengan keyakinan dan keberanian. Bersuara untuk diri sendiri dan untuk sesama. Jadilah wanita dinamik yang mampu mengubah nasib diri dan orang sekeliling.

17. Dan kepada para lelaki - saya menyeru agar kita menjadi rakan sekutu dalam perjuangan ini. Keganasan terhadap wanita hanya akan berhenti apabila lelaki turut sama berdiri menentanginya. Masyarakat yang menghormati wanita adalah masyarakat yang benar-benar bertamadun.

18. Akhir kata, saya berharap anda semua mendapat manfaat dari program kita hari ini. Jadikanlah hari ini sebagai permulaan transformasi dalam hidup kita. Buktikanlah bahawa wanita Kapit, wanita Sarawak dan wanita Malaysia adalah wanita yang dinamik, berdaya dan tidak akan berhenti belajar untuk menjadi yang terbaik.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**  
**Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat**  
**15 November 2025**